



DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

Adalah menjadi dasar Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pelanggan dan orang lain yang mungkin terjejas oleh aktivitinya:-

Pihak Pengurusan dan pekerja akan sama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di MPLBP.

Dasar MPLBP adalah :-

- Menyediakan dan menyelenggarakan suatu tempat dan system kerja yang selamat dan sihat;
- Memastikan semua kakitangan adalah diberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan dan keselamatan;
- Menyiasat semua kemalangan, penyakit, keracunan dan kejadian berbahaya dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan kejadian-kejadian tersebut tidak berulang;
- Memastikan MPLBP mematuhi kehendak-kehendak perundangan dan lain-lain arahan mengenai keperluan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang telah ditetapkan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994-Peraturan-Peraturannya dan Tata Amalan yang diluluskan;
- Menyediakan kemudahan-kemudahan kebaikan kepada semua pekerja;
- Mengkaji semula dasar bila perlu.

Pihak MPLBP yakin bahawa dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang digunakan dapat dilestarikan di dalam aktiviti kerja harian MPLBP. Penggunaan cara kerja selamat dan sihat adalah faktor utama MPLBP ke arah mencapai kejayaan.